



07 MAY, 2025

## Kerajaan teliti keperluan struktur semula pembiayaan kesihatan



Sinar Harian, Malaysia

### Kerajaan teliti keperluan struktur semula pembiayaan kesihatan

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan sedang meneliti keperluan untuk menstruktur semula sistem pembiayaan kesihatan sedia ada agar lebih mampan, terangkum dan berkesan untuk jangka panjang seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Kesihatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu juga memerlukan perhatian pentingnya tadbir urus, perolehan dan pelaksanaan yang berkesan serta peranan pelbagai kementerian, khususnya Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan dalam merangka pelaksanaan seterusnya.

Perdana Menteri menerusi hantaran di Facebooknya pada Selasa berkata, perkara itu dibincangkan ketika beliau mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) ke-8 2025, yang turut dihadiri enam menteri Kabinet dan pegawai tertinggi perkhidmatan awam pagi Selasa.

"Mesyuarat ini beri tumpuan kepada pembentangan mengenai Hala Tuju dan Inisiatif Transformasi Sistem Pembiayaan Kesihatan secara berfasa serta cadangan penubuhan Dana Kesihatan Nasional."

"Mesyuarat turut meneliti Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan 2025-2045

yang dibentang Kementerian Ekonomi. Saya ambil maklum langkah-langkah awal yang dilaksana untuk menghadapi cabaran populasi menua, termasuk mekanisme tadbir urus rentas kementerian lebih menyeluruh dan bersepaktu," kata beliau.

Sementara itu katanya, Malaysia dan Jepun mengusulkan inisiatif penubuhan pusat kerjasama baharu di negara ini sebagai wadah memperkuatkan kerjasama rentas sektor dalam bidang teknologi, kemampunan dan integrasi tenaga ASEAN.

Anwar berkata, sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini Malaysia berlitizam untuk meneraju usaha serantau ke arah masa

dengan rendah karbon.

"Kita sambut baik dukungan teknikal dan penyelidikan canggih dari Jepun termasuk melalui inisiatif seperti Komuniti Pelepasan Sifar Asia (AZEC) terutama dalam menyegerakan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) secara menyeluruh dan berskala besar," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, usul itu antara perkara dibangkitkan dalam pertemuan bersama bekas Perdana Menteri Jepun Fumio Kishida ketika kunjungan utusan khas kepada Perdana Menteri Jepun itu pada Selasa. -Bernama